

DATE: 14 / 01 / 2008

Tolak pihak guna keganasan – Dr. Mahathir

um - 14/1/2008

PUTRAJAYA 13 Jan. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, mana-mana pihak yang menggunakan cara keganasan dan kaedah yang tidak beretika untuk menjadi pemimpin perlu ditolak sama sekali.

Bekas Perdana Menteri berkata, seseorang itu perlu mempunyai kualiti yang betul untuk menjadi seorang pemimpin meskipun ia mungkin sukar dicapai.

Tambah beliau, cara seseorang pemimpin itu mengendalikan kegagalannya akan memperlihatkan sama ada dia benar-benar mempunyai kualiti tersebut.

“Ini kerana mungkin terdapat ribuan orang di negara ini mempunyai kualiti kepimpinan yang baik tetapi mereka tidak berjaya cuma kerana beberapa keadaan yang tidak membantu mereka.

“Tetapi terdapat ramai juga orang yang kualiti kepimpinannya begitu lemah tetapi mereka mungkin menjadi pemimpin kerana kepimpinan telah menjadi pendorong kepadanya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Persidangan Siswazah 2008 anjuran firma Real Leader Sdn. Bhd. dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadam) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengingatkan para pemimpin muda sekarang supaya mempelajari sejarah pemimpin yang berjaya pada masa lalu kerana cara itu lebih mudah untuk mengenal pasti ciri-ciri menjadi seorang pemimpin yang baik.

Sebagai Muslim, kata beliau, contoh terbaik untuk dipelajari ialah Nabi Muhammad s.a.w. yang telah mengubah ciri-ciri kejahilan kabilah-kabilah Arab sehingga menjadi satu bangsa dan negara yang mampu mencipta tamadun yang bertahan selama lebih 1,400 tahun.

“Baginda mampu melakukannya kerana kepercayaan yang kuat terhadap kebaikan yang baginda sendiri amalkan, meskipun pada awalnya menghadapi kesukaran tetapi Rasulullah begitu tabah.

Merendah diri

“Baginda menolak keganasan sehinggalah baginda dipaksa untuk berperang manakala ketika perjanjian Hudaibiah, Rasulullah bersikap merendah diri bagi memastikan segala masalah dapat diselesaikan,” katanya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, dunia Islam kini kehilangan pemimpin dan negara-negara Islam berada dalam keadaan yang bergolak.

Menurutnya, orang Islam kini menjadi tidak berupaya untuk mentadbir negara mereka sendiri dan mencapai kemajuan.

“Apabila Nabi Muhammad mengajarkan al-Quran bahawa nyawa itu sangat berharga dan orang Islam tidak boleh membunuh, kita dapati ramai orang Islam membunuh saudara seagama mereka sendiri.

“Kita kemudian dikelirukan apa bila segala tohmahan dilemparkan kepada ajaran Nabi Muhammad dan Islam dipersalahkan,” katanya dalam nada kesal.

Bagaimanapun, jelas beliau, sejarah kepimpinan Rasulullah dan kebenaran ajaran yang dibawa oleh baginda masih terus relevan dan berguna.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, terdapat juga tokoh yang berjaya menjadi pemimpin tetapi tidak wajar dicontohi seperti pemimpin Jerman, Adolf Hitler.

“Hitler muncul ketika Jerman dalam keadaan huru-hara setelah kalah Perang Dunia Pertama dengan kemiskinan berlaku di merata-rata.

“Dengan menggunakan keganasan dan kekerasan beliau berjaya menguasai kerajaan. Pada zamannya, Jerman berjaya mengatasi

*selagi stok masih ada